



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 27 FEBRUARI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BELANJAWAN 2023 BUKTI KERAJAAN PEDULI SEKTOR PERTANIAN, MALAYSIA DAILY NEWS -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
2.	KESEDAR FOOD VALLEY TANGANI ISU KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA, NASIONAL, SH -18	LAIN-LAIN
3.	PESAWAH LEGA TERUS TERIMA BANTUAN, DALAM NEGERI, UM -10	
4.	KISAH GADIS JERAMI DARI KODIANG, NASIONAL, SH -23	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2023	MALAYSIA DAILY NEWS	ONLINE	

BERNAMA – Belanjawan 2023 bukti kerajaan peduli sektor pertanian



ALOR SETAR, 26 Feb (Bernama) — Bantuan RM200 kepada pesawah dan pemberian subsidi serta insentif bagi industri padi dalam Belanjawan 2023, membuktikan kepedulian Kerajaan Perpaduan untuk mentransformasi sektor pertanian ke arah lebih moden dan dinamik.

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam kenyataan hari ini memaklumkan ia juga dilihat sebagai langkah untuk menjadikan negara ini lebih kompetitif

dalam pengeluaran makanan dan memperkasa sektor pertanian sebagai antara jentera pertumbuhan ekonomi negara.

“MADA menyambut baik Belanjawan 2023 yang diumumkan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan menzahirkan penghargaan serta terima kasih kepada Kerajaan Perpaduan yang bersetuju menyalurkan sumbangan tunai sebanyak RM200 sebulan untuk tempoh tiga bulan atau semusim.

“Sumbangan itu melibatkan peruntukan berjumlah RM228 juta kepada 240,000 pesawah di seluruh Malaysia termasuk pesawah di kawasan Muda,” menurut kenyataan itu.

Menurut MADA pembentangan belanjawan itu menunjukkan keprihatinan kerajaan menyelami gerak nadi pesawah dengan memberikan bantuan yang dapat meringankan beban mereka sementara menunggu hasil tuaian.

“Selaras dengan agenda keterjaminan makanan, kerajaan juga bersetuju untuk meneruskan pemberian subsidi dan insentif bagi industri padi serta beras seperti harga padi, baja padi dan padi huma berjumlah RM1.6 bilion.

“Pesawah akan turut menikmati perkongsian 30 peratus keuntungan bersih import beras oleh BERNAS, selain sumbangan RM60 juta yang disediakan,” menurut kenyataan itu.

MADA juga berharap dapat bersama kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam usaha mendepani cabaran sektor agromakanan.

Kawasan Muda terdapat seramai 57,635 peladang yang mengusahakan sawah seluas 100,658 hektar di bawah pentadbiran 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2023	MALAYSIA DAILY NEWS	ONLINE	

BERNAMA – Belanjawan 2023 bukti kerajaan peduli sektor pertanian



ALOR SETAR, 26 Feb (Bernama) — Bantuan RM200 kepada pesawah dan pemberian subsidi serta insentif bagi industri padi dalam Belanjawan 2023, membuktikan kepedulian Kerajaan Perpaduan untuk mentransformasi sektor pertanian ke arah lebih moden dan dinamik.

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam kenyataan hari ini memaklumkan ia juga dilihat sebagai langkah untuk menjadikan negara ini lebih kompetitif

dalam pengeluaran makanan dan memperkasa sektor pertanian sebagai antara jentera pertumbuhan ekonomi negara.

“MADA menyambut baik Belanjawan 2023 yang diumumkan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan menzahirkan penghargaan serta terima kasih kepada Kerajaan Perpaduan yang bersetuju menyalurkan sumbangan tunai sebanyak RM200 sebulan untuk tempoh tiga bulan atau semusim.

“Sumbangan itu melibatkan peruntukan berjumlah RM228 juta kepada 240,000 pesawah di seluruh Malaysia termasuk pesawah di kawasan Muda,” menurut kenyataan itu.

Menurut MADA pembentangan belanjawan itu menunjukkan keprihatinan kerajaan menyelami gerak nadi pesawah dengan memberikan bantuan yang dapat meringankan beban mereka sementara menunggu hasil tuaian.

“Selaras dengan agenda keterjaminan makanan, kerajaan juga bersetuju untuk meneruskan pemberian subsidi dan insentif bagi industri padi serta beras seperti harga padi, baja padi dan padi huma berjumlah RM1.6 bilion.

“Pesawah akan turut menikmati perkongsian 30 peratus keuntungan bersih import beras oleh BERNAS, selain sumbangan RM60 juta yang disediakan,” menurut kenyataan itu.

MADA juga berharap dapat bersama kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam usaha mendepani cabaran sektor agromakanan.

Kawasan Muda terdapat seramai 57,635 peladang yang mengusahakan sawah seluas 100,658 hektar di bawah pentadbiran 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA.

— BERNAMA

Kesedar Food Valley tangani isu keterjaminan makanan negara

GUA MUSANG - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) melalui Kesedar Food Valley menjadi usaha terbaharu kerajaan menangani isu keterjaminan makanan negara serta meningkatkan pengeluaran pertanian.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, lebih 900 hektar tanah akan diusahakan oleh agensi berkenaan dengan tanaman hasil baharu di seluruh Wilayah Gua Musang.

"Tiga projek utama yang diperkenalkan ialah Pertanian Hasil Baru, Penternakan Lembu Pedaging dan Agrotek Desa.

"Bagi memulakan usaha ini, Kesedar telah membangunkan kawasan seluas 22 hektar di Agrotek Manik Urai, Kuala Krai yang diusahakan dengan tanaman seperti jagung, nanas MD2, kelapa, labu, cili kulai, sayuran fertigasi serta tanaman kekal seperti durian dan dokong," katanya semasa sidang akhbar pada Ahad.

Sebelum itu beliau yang juga me-

rupakan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), mengadakan lawatan rasmi ke Kesedar di sini.

Menurut beliau, Kesedar juga turut membangunkan tanaman kopi Robusta di kawasan seluas 60 hektar melalui kerjasama Nestle Malaysia di bawah Program Nescafe Grown Respectfully.

Ujarnya, turut diusahakan ternakan lembu pedaging secara *fillet* dan integrasi di kawasan seluas 150 hektar di Kesedar Sungai Asap dan Chalil dengan kapasiti pengeluaran daging adalah 170 tan metrik daging segar setahun.

"Usaha tersebut adalah bagi memastikan bekalan makanan di negara ini mencukupi selain harga pasaran berada pada paras berpatutan serta membantu negara mengukuhkan aspek keterjaminan makanan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zahid memberitahu, Kesedar akan mewujudkan hub halal di Kesedar Food Valley bagi memberi nilai tambah kepada program tersebut.

Ujarnya, ia merangkumi pengeluaran



Ahmad Zahid (tiga dari kanan) bergambar bersama kakitangan Kesedar semasa mengadakan lawatan rasmi di Gua Musang pada Ahad.

produk makanan kepada pengguna.

"Pada masa sama, ia turut mengeluarkan bahan-bahan mentah yang sedia diproses dalam skala besar secara halal," katanya.

Ahmad Zahid memberitahu, kerajaan akan turut membantu Kesedar mendapatkan pensijilan halal bagi merealisasikan cadangan tersebut selain modal untuk hub halal itu.

27/2/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

10

Pesawah lega terus terima bantuan

OTHMAN YAHAYA
utusannews@mediamulla.com.my

SUNGAI PETANI: Golongan pesawah bersyukur melalui pengumuman serentak dua berita gembira iaitu bantuan RM200 sebulan dan perkongsian 30 peratus keuntungan daripada Padiberas Nasional Berhad (Ber-nas) kerana mampu meringankan beban mereka.

Pengumuman dibuat melalui pembentangan Belanjawan 2023 oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Perdana Menteri pada Jumaat lalu itu diibaratkan durian

runtuh dan sememangnya dinantikan mereka.

Mariah @ Zaharah Abdul-lah, 71, pesawah dari Kampung Permatang Kedundung, Pinang Tunggal di sini berkata, dia memang telah lama menantikan bantuan bulanan daripada kerajaan seperti yang diterima golongan nelayan.

"Kami tidak mempunyai punca pendapatan lain dan se-mata-mata bergantung kepada hasil padi yang diusahakan.

"Dengan perbelanjaan semakin meningkat, kami guna wang pemberian kerajaan itu untuk menampung hidup

sebelum tiba musim menuai," katanya yang mengusahakan kira-kira 1.5 hektar sawah padi sambil dibantu ahli keluarganya.

Seorang lagi pesawah, Shahril Shamsudin, 40, berkata, dia teruja kerana bantuan bulanan sebanyak RM200 selama tiga bulan itu boleh digunakan meracun tambahan serta dijimatkan untuk perbelanjaan keluar-ga.

"Nilai RM200 kepada golongan pesawah seperti kami ter-lalu besar terutamanya ketika musim menuai berikutan waktu itu kami tiada pendapatan.

"Jika padi menjadi seperti yang diharapkan syukurilah, tetapi jika sebaliknya wang pemberian kerajaan ini dapat meringankan beban untuk perbelanjaan harian keluarga," katanya.

Muhammad Farhan Kassim, 31, pula berkata, selain pembe-ntuan RM200 selama tiga bulan itu, jaminan perkongsian ke-untungan Bernas sebanyak 30 peratus dengan pesawah akan dimanfaatkan sebaiknya untuk menyara keluarga.

"Selama ini kami golongan pesawah tidak mempunyai simpanan kerana keuntungan

diperolehi selepas musim menuai terlalu sedikit.

"Banyak upah yang perlu dibayar seperti menanam, membajak, menyembur racun dan menuai padi menyebabkan hasil jualan setiap musim cukup untuk perbelanjaan harian sahaja," katanya.

Muhammad Farhan yang mengerjakan sawah seluas tiga hektar berkata, dengan adanya pemberian itu dia boleh menabung untuk digunakan ketika waktu sesak berbanding sebelum ini yang dipinjam daripada kawan-kawannya terutama ketika menghadapi keceemasan.



MUHAMMAD FARHAN KASSIM mencangkul tanah bagi membuat batas di petak sawah padi yang telah dibajak selepas selesai musim menuai di Kampung Permatang Kedundung, Pinang Tunggal di Sungai Petani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	23

Kisah gadis jerami dari Kodiang



Nuradilla Fitriyah tidak kisah 'dibakar' panas mentari dan bermandi debu bagi memastikan bekalan jerami padi pelanggannya dapat dipenuhi.

Setiap hari sebanyak 500 gulung jerami berjaya dijual Nuradilla Fitriyah

JERLUN

Habuk, debu dan panas mentari seakan sebat dengan gadis manis dari Kodiang ini bagi memastikan setiap permintaan bekalan jerami padi daripada pelanggannya dapat dipenuhi sebaik mungkin.

Berbekalkan minat mendalam terhadap perniagaan jerami padi, Nuradilla Fitriyah Khoded, 24, berani menceburkan diri dalam bidang yang tidak popular dalam kalangan wanita seusianya yang kebanyakan lebih memilih kepada perniagaan produk kecantikan. "Jerami ini kalau datang musimnya, memang macam pisang goreng panas, naik saja memang sudah ada lori tunggu, kalau 500 gulung setiap hari akan habis dibeli oleh pelanggan yang menunggu jerami kami," katanya yang ditemui *Bernama* di tempat pengumpulan jerami di Sanglang baru-baru ini.

Pelajar lulusan Pendidikan

Bahasa Mandarin dari sebuah universiti di Beijing, China itu memberitahu, permintaan bekalan jerami padi yang diusahakannya itu sangat tinggi sebagai bahan makanan tambahan untuk ternakan lembu tenusu.

Dianggarkan kira-kira 500 gulung jerami diperlukan dalam seminggu bagi lembu tenusu.

Anak ketiga daripada empat beradik itu memberitahu, perniagaan jerami padinya itu banyak dibantu oleh bapanya sepanjang dia menyambung pengajian di Beijing.

Bagaimanapun, setiap kali cuti semester dia akan pulang ke Malaysia untuk menguruskan sendiri perniagaan jerami itu.



Tempat pengumpulan jerami di Sanglang menjadi tumpuan petani yang ingin mendapatkan tumbuhan tersebut.



Jerami yang dijual oleh graduan dari universiti di Beijing, China itu laris bak pisang goreng panas.



Jerami mendapat permintaan tinggi dalam kalangan penternak lembu tenusu